



NOTIS MAKLUMAN

PENGAMBILAN PEKERJA ASING DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN BORONG DAN RUNCIT.

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk membenarkan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan borong dan runcit.

2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaku agensi kawal selia bagi sektor ini telah menetapkan syarat dan kriteria permohonan seperti berikut:

- 2.1 Penggunaan pekerja asing dihadkan kepada **15% sahaja daripada jumlah keseluruhan gunatenaga**;
- 2.2 Hanya **premis pasaraya yang berkeluasan lantai melebihi 2,500 meter persegi** dan **pusat pengedaran (*distribution centre*) / stor simpanan** dibenarkan untuk memohon dan menggajikan pekerja asing dalam sektor ini;
- 2.3 **Jawatan yang dibenarkan** untuk penggajian pekerja asing adalah seperti berikut:
 - i) **Pengisi Rak / Pekerja Pemprosesan Makanan** bagi pasaraya; dan
 - ii) **Pekerja Pengangkutan Barang dan Buruh Penyimpanan** bagi pusat pengedaran / stor simpanan;

- 2.4 Bagi pusat pengedaran / stor simpanan, penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi perniagaan borong dan runcit yang **dimiliki sendiri** oleh syarikat sama ada premis sendiri atau premis sewaan. Penggajian pekerja asing **tidak dibenarkan** bagi syarikat **kontraktor** atau **operator gudang**; dan
- 2.5 Permohonan perlu dikemukakan bersama ***exit policy*** **pengurusan pekerja asing** syarikat.

3. Permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) di laman sesawang eppax.gov.my manakala bagi urusan temuduga di *One Stop Centre* Kementerian Dalam Negeri (KDN), borang permohonan dan senarai semak boleh dimuat turun di portal KDN www.moha.gov.my di pautan Senarai Borang Bahagian Pengurusan Pekerja Asing.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

19 NOVEMBER 2019